

## **Strategi Komunikasi Keluarga untuk Perdamaian dalam Kalangan Penduduk Islam di Selatan Thai**

Sakiroh Yaena Benharoon\*  
Prince of Songkla University, Pattani Campus, Thailand

\*Corresponding email:sakiroh.y@psu.ac.th

### **Abstrak**

*Komunikasi keluarga adalah suatu bentuk pertukaran mesej lisan dan bukan lisan di kalangan ahli keluarga. Ia adalah teras yang kelihatan kecil tetapi sebenarnya penting dalam mana-mana masyarakat, termasuklah dalam masyarakat Islam di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan beberapa bahagian di Songkhla, Thailand. Secara idealnya, komunikasi keluarga dapat memupuk dan melahirkan anggota keluarga yang baik pekertinya. Hal ini demikian kerana setiap ahli keluarga akan cenderung berasa selesa untuk menyatakan fikiran, perasaan, keperluan, cinta, kekaguman dan meneguhkan kesalinghubungan mereka. Ianya juga adalah suasana yang mewujudkan pemahaman yang lebih baik dan hubungan yang sejahtera dengan setiap anggota dalam keluarga. Dalam konteks kekacauan dan keganasan yang kerap tercetus di selatan Thailand, komunikasi keluarga adalah cara terbaik untuk membina perhubungan yang mesra dan membentuk kepercayaan di kalangan ahli keluarga. Artikel ini bertujuan membincangkan empat strategi oleh ibu bapa Islam di selatan Thailand untuk membentuk komunikasi yang baik bagi membina keamanan dalam keluarga masing-masing. Pertamanya, ibu bapa akan meluangkan masa untuk berbual; menjadi pendengar yang aktif; memberi perhatian kepada mesej tanpa lisan, dan menyapa setiap ahli keluarga dengan ucapan secara Islam. Rumusannya, komunikasi yang berkesan dalam keluarga memainkan peranan penting untuk memupuk dan mengukuhkan hubungan sesama ahli keluarga dan seterusnya mewujudkan keamanan dalam persekitaran.*

**Kata Kunci:** *Komunikasi keluarga, Perdamaian, Daerah sempadan*